

29/09/2002

Kheng Yaik kekal Presiden Gerakan

Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Lim Kheng Yaik mengekalkan jawatan Presiden Gerakan buat penggal kelapan berturut-turut, apabila diumumkan menang tanpa bertanding bagi jawatan itu, sebaik penamaan calon bagi ahli Jawatankuasa Pusat (CC) ditutup pada jam 12 tengah hari semalam.

Bagaimanapun, jawatan nombor dua dalam parti itu bakal menyaksikan pertandingan apabila Timbalan Presidennya, Datuk Kerk Choo Ting, dicabar oleh Naib Pengerusi Gerakan Perak yang juga Ketua Bahagian Gerakan Bukit Gantang, Siew Kok Kan, 60.

Bagi jawatan Naib Presiden, Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Datuk Dr S.Vijayaratnam mengekalkan jawatan mereka sebagai naib presiden juga tanpa bertanding, bersama-sama dengan Datuk Dr Tan Kee Kwong yang sebelum itu dilantik ke jawatan itu.

Pemilihan CC Gerakan bagi penggal 2002 hingga 2005 akan diadakan pada Persidangan Perwakilan Nasional (NDC) 5 Oktober ini, iaitu sehari selepas Pemilihan CC Pemuda dan Wanita Gerakan.

Setiausaha Agung Gerakan, Chia Kwang Chye, berkata bagi 18 kerusi ahli CC pula, seramai 28 orang telah dicalonkan untuk bertanding sebaik pencalonan ditutup semalam dan mereka termasuklah sembilan muka baru.

"Ahli CC sekarang yang dicalonkan semula ialah Chia Kwang Chye, Datuk Ng Chiang Chin, Datuk Chang Ko Youn, Datuk Lum Weng Keong, Datuk Dr Toh Kin Woon, Khoo Soo Chai, Datuk Chua Peng Song, Chua Chong An, Datuk Dr Teng Hock Nan, Datuk Khoo Che Wat, Datuk Jimmy Chok Kon Phin, Lim Keng Guan, Datuk Fong Chok Gin, Teo Kok Chee dan Datuk Woo Siak Chee.

"Ahli seumur hidup yang dicalonkan ialah Lim Hoi Kuan, Ng Lip Yong, Dr Chee See Choke dan Lim Thuang Seng, manakala muka baru ialah Yong Dai Ying, Lee Kah Choon, Yap Kea Ping, Tan Ah Been, Chan Meng Kee, Husain Bahaudin, Dr Ng Keong Chye, Yum Ah Ha @ Yim Ah Ha dan Lim Sim Hock," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sebaik waktu bantahan berakhir pada jam 12.30 tengah hari semalam, di Dewan Perak, Menara PGRM di sini.

Kelmarin, jawatan Ketua Pemuda dan Wanita Gerakan juga disahkan akan ditandingi apabila Timbalan Ketua Pemuda, Mah Siew Keong dicabar oleh Kek Guan Chuan dari Teluk Intan, Perak, bagi jawatan Ketua Pemuda, manakala penyandang Ketua Wanita, Datuk Kee Phaik Cheen dicabar Timbalannya, Datuk Rhina Bhar, sebaik pencalonan ditutup.

Diminta mengulas mengenai pertandingan yang berlaku bagi jawatan nombor dua dalam parti itu serta bagi jawatan Ketua Pemuda dan Wanita Gerakan, Chia berkata, ia adalah sebahagian daripada tradisi demokrasi dalam parti itu.

"Memanglah peringkat tertinggi parti mengharapkan supaya tiada pertandingan berlaku bagi jawatan penting dalam parti jika kesepakatan dapat dicapai menerusi perbincangan.

"Tapi kita juga menghormati kehendak ahli untuk menggunakan hak mereka dan pertandingan terbuka bagi semua jawatan dalam suasana demokrasi. Saya menganggap pertandingan yang berlaku adalah pertandingan sihat, dalam suasana persahabatan," katanya.

Ditanya apakah beliau menjangka ada yang menarik diri selepas ini, Chia berkata ia perkara biasa terutama bagi jawatan ahli CC.

Kira-kira 1,800 perwakilan akan memilih pemimpin dan 18 ahli CCI. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan merasmikan NDC Gerakan pada jam 10 pagi di Dewan Wawasan, Menara PGRM di sini.

